

Agong Titah Penjawat Awam Jangan Langgar Peraturan, Laksana Tugas Dengan Integriti

Oleh [Mohd Iskandar Ibrahim](#) - November 12, 2024 @ 3:10pm
bhnews@bh.com.my



Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar berucap pada Majlis Anugerah Pembangunan Negara (APN) Tahun 2024 di Sepang. - Foto NSTP/Mohd Fadli Hamzah

SEPANG: Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim menitahkan supaya semua penjawat awam menjalankan tugas mengikut undang-undang dan tidak melanggar peraturan.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, berkata Yang di-Pertuan Agong bertitah demikian ketika beliau diterima menghadap baginda di Istana Negara pagi tadi.

"Pagi tadi saya diperkenan menghadap Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara. Yang di-Pertuan Agong bertitah orang kerajaan buatlah kerja ikut peraturan dan jangan langgar peraturan.

"Yang di-Pertuan Agong bertitah pegawai kerajaan tetap ada dalam kerajaan, ahli politik 'come and go' (datang dan pergi), 'even' (malah) Agong pun 'come and go' (datang dan pergi), jadi jalankan kerja dengan penuh integriti," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Anugerah Pembangunan Negara Tahun 2024 hari ini.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebelum ini mendedahkan seramai 545 atau 43.4 peratus daripada 1,257 individu yang ditahan sepanjang tempoh Januari hingga Oktober tahun ini terdiri penjawat awam.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, dilaporkan berkata sebanyak sembilan tangkapan membabitkan golongan pengurusan tertinggi, manakala pengurusan profesional (181) dan pelaksana/sokongan (357).

Mengulas lanjut, Shamsul Azri mengingatkan sebarang pengurusan program atau projek perlu dilaksanakan dengan penuh akauntabiliti dan integriti bagi mencapai tatakelola terbaik.

Katanya, ia akan dapat meningkatkan keyakinan dan jangkaan pemegang taruh ke atas perancangan dan pelaksanaan projek kerajaan.

Dalam perkembangan berasingan, beliau berkata, prestasi Projek Pembangunan Rolling Plan (RP) 4 Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) sehingga 4 November lalu, merekodkan pencapaian sebanyak 65.82 peratus atau RM59.24 bilion daripada RM90 bilion yang diperuntukkan.

Ia membabitkan 8,719 program serta projek.

"Dalam hal ini, semua kementerian hendaklah terus berusaha keras bagi memastikan peruntukan pembangunan dapat dibelanjakan secara optimum serta melonjakkan prestasi perbelanjaan melebihi 95 peratus untuk RP4.

"Bagi mencapai aspirasi RMK12 yang berbaki satu tahun sahaja lagi, saya ingin mengingatkan semua Ketua Setiausaha Kementerian untuk melaksanakan pendekatan tegas dan mesti bersifat reformatif terhadap pelaksanaan program atau projek pembangunan," katanya.